

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN V. SIVAKUMAR**

**KAWASAN : BATU GAJAH**

**TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)**

**NO. SOALAN : 15**

YB. TUAN V. SIVAKUMAR [ BATU GAJAH ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Skim Keutamaan Tarif Samarata telah meningkatkan perdagangan di Malaysia. Adakah skim ini membawa manfaat kepada Malaysia jika dibandingkan dengan negara ASEAN yang lain di bawah AFTA.

**JAWAPAN:**

Tuan yang Di Pertua,

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah ditubuhkan pada tahun 1992 iaitu dengan termetrainya Perjanjian Skim Keutamaan Tarif Samarata (*Common Effective Preferential Tariff – CEPT*). Penubuhan AFTA dibina berasaskan kepada tiga objektif utama. Pertamanya adalah untuk mewujudkan sebuah pasaran

tunggal integrasi ekonomi bagi rantau ASEAN. Keduanya untuk meningkatkan daya-saing ASEAN sebagai pusat pengeluaran global dan ketiganya untuk meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN.

Skim CEPT telah diwujudkan untuk melengkapinya inisiatif pengurangan dan pemansuhan duti import di ASEAN. Ianya dilakukan secara berperingkat mulai 1 Januari 1993. Pendekatan pengurangan dan pemansuhan duti secara berperingkat ini dilaksanakan bagi membolehkan industri-industri tempatan membuat pengubahsuaian sewajarnya supaya dapat berdaya saing apabila duti import telah diliberalisasikan sepenuhnya. Di samping itu juga, pendekatan ini turut memberi rangsangan kepada pengwujudan sektor-sektor pembuatan yang baharu kerana harga bahan mentah yang lebih rendah.

Seterusnya, sebagai penambahbaikan kepada skim yang sedia ada, mulai 1 Januari 2010, Skim CEPT dengan rasminya telah digantikan dengan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN atau *ASEAN Trade in Goods Agreement* (ATIGA). Perjanjian ATIGA antara lain turut memasukkan elemen-elemen baru liberalisasi perdagangan. Skop liberalisasi perdagangan telah diperluaskan kepada pemansuhan halangan bukan tarif dan juga fasilitasi perdagangan untuk memudahkan lagi urusan perdagangan intra-ASEAN dilaksanakan.

Kadar tarif bagi negara-negara ASEAN 6 (Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand) telah dimansuhkan sebanyak 99.20 peratus di bawah Skim ATIGA. Manakala, negara-

negara CLMV pula iaitu Cambodia, Lao PDR, Myanmar dan Viet Nam pula telah memansuhkan duti import sebanyak 90.85 peratus daripada keseluruhan baris tarif sehingga 31 Disember 2014. Negara-negara CLMV ini akan memansuhkan duti import ke atas 93 peratus tarif mulai 1 Januari 2015 dengan fleksibiliti pengecualian diberi ke atas 7 peratus baris tarif untuk diliberalisasikan sepenuhnya sehingga tahun 2018.

Melalui Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community Blueprint*), integrasi ekonomi serantau telah diperdalamkan lagi secara progresif. Sektor pembuatan ASEAN juga menjadi lebih efisien dan berdaya saing bukan sahaja di pasaran ASEAN malahan di pasaran global. sekaligus mencipta hubungan dagang Intra-ASEAN yang lebih erat dan stabil. Ini dapat dibuktikan melalui jumlah perdagangan dalam kalangan Negara-negara ASEAN pada tahun 2013, di mana jumlah perdagangan tersebut mencecah US\$608.6 bilion iaitu peningkatan sebanyak 1.1 peratus daripada tahun 2012.

Impak AFTA adalah amat positif bagi ekonomi Malaysia seiring dengan negara ASEAN yang lain. Melalui AFTA, banyak peluang telah terbuka kepada syarikat-syarikat Malaysia termasuklah industri kecil dan sederhana (IKS) untuk menembusi pasaran ASEAN dengan lebih selesa melalui kaedah pengurangan dan pemansuhan duti import. Untuk makluman, ASEAN adalah merupakan rakan dagang utama Malaysia. Mengimbas kepada angka perdagangan pada tahun 1992, iaitu satu tahun sebelum pelaksanaan AFTA dan Skim CEPT, perdagangan negara dengan negara ASEAN hanya pada kadar RM52.04 bilion. Kesan positif

daripada pelaksanaan Skim CEPT di bawah AFTA telah dirasai secara langsung pada tahun 1993 di mana Malaysia telah mencatatkan peningkatan perdagangan sebanyak 11 peratus kepada RM57.93 bilion. Daripada jumlah tersebut, jumlah eksport negara adalah pada kadar RM34.39 bilion. Walaupun ASEAN tidak terkecuali dari mengalami krisis dan kemurungan ekonomi yang agak teruk, rantau ASEAN sedikit sebanyak telah dapat menangani masalah tersebut dan menyerap impak berdasarkan kepada kekuatan ekonomi serantau kerana pada puratanya, perdagangan intra-ASEAN sekitar tahun tersebut adalah pada kadar 25-27 peratus setahun.

Peralihan daripada Skim CEPT kepada Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) pada tahun 2010 telah menggambarkan bahawa integrasi ekonomi ASEAN semakin diperkukuh dan diperdalamkan. Pada tahun 2010, Malaysia telah mencatatkan RM305.93 bilion jumlah dagangan dengan ASEAN. Prestasi baik ini juga telah berjaya dikekalkan di mana negara telah berjaya melonjakkan jumlah dagangan kepada RM389.03 bilion pada tahun 2014. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Negara-negara ASEAN mewakili 26.8 peratus daripada jumlah dagangan global bagi tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 3.8 peratus daripada tahun 2013. Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN berjumlah RM213.58 billion, peningkatan sebanyak 5.8 peratus daripada tahun 2013, manakala import adalah sebanyak RM175.45 bilion, peningkatan sebanyak 1.4 peratus berbanding tahun 2013.

Peluang dan pasaran yang lebih luas dan besar telah merangsang aktiviti pengeluaran syarikat-syarikat Malaysia di mana mereka telah meningkatkan eksport produk mereka ke Negara-negara ASEAN bagi memenuhi permintaan yang tinggi. Liberalisasi sektor perkhidmatan di ASEAN juga telah membentuk persekitaran yang berdaya saing yang seterusnya menyediakan penyampaian sektor perkhidmatan yang lebih berkualiti dan efisien. Liberalisasi ini memberi peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia bagi meluaskan pasaran ke negara-negara ASEAN. Syarikat-syarikat Malaysia ini juga akan dapat meningkatkan daya saing melalui penggabungan dengan syarikat-syarikat dari Negara-negara anggota ASEAN untuk menembusi pasaran ketiga.

Sebagai kesimpulan, ASEAN telah berusaha untuk memantapkan integrasi ekonomi dengan memformulasi visi Komuniti Ekonomi ASEAN 2015. Pelbagai usaha serantau yang memerlukan komitmen dari setiap negara anggota ASEAN telah digariskan agar kesan integrasi ekonomi ini adalah komprehensif dan menyeluruh. Kaedah-kaedah yang telah digariskan tersebut adalah pemangkin kepada pertumbuhan dan pengembangan ekonomi terutama sekali kepada Malaysia kerana perdagangan dengan ASEAN adalah pada kadar yang amat tinggi kepada Malaysia. Persaingan bukan sahaja berlaku pada peringkat global, tetapi juga di peringkat rantau ini. Namun begitu, pencapaian sasaran untuk mewujudkan pusat pengeluaran dan pasaran tunggal tetap menjadi keutamaan negara kerana ia merupakan satu cara untuk Malaysia menjadi negara maju adalah hasil daripada mengoptimalkan peluang yang wujud di bawah payung AFTA.